

# Cabaran transformasi Sungai Klang,

## Projek ROL sasar capai Kelas IIB sesuai sentuhan kulit, rekreasi menjelang 2020



**Anwar**  
Patho Rohman

wananwar@bharian.com.my

**P**ROSES transformasi terancang sungai di Lembah Klang khasnya Sungai Klang dan Sungai Gombak untuk menjadikannya ikon pelancongan serta lokasi riadah seperti yang termaktub di dalam projek Sungai Nadi Kehidupan (ROL) mungkin tidak mudah disangka.

Pengaruh Bahagian Pengurusan Lembaga Sungai dan Zon Pantai Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Lim Chow Hock, berkata ada pelbagai cabaran bagi mentransformasi Sungai Klang dan Sungai Gombak sebagai ROL.

Katanya, transformasi ini dibahagikan kepada tiga komponen, pertama, pembersihan sungai; kedua, pengindahan koridor sungai, seterusnya meningkatkan tarikan bandaraya Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancong bertaraf dunia, mewujudkan rangkaian laluan berbasikal serta pejalan kaki, dan pengangkutan air dan ketiga, pembangunan tanah kerajaan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi dan merealisasikan nilai untuk kerajaan serta rakyat.

“Matlamat utama projek ini ialah untuk menjadikan kualiti sungai yang ketika ini berada pada Kelas III hingga Kelas V (tidak sesuai untuk sentuhan kulit dan rekreasi) kepada Kelas IIB yang sesuai untuk sentuhan kulit dan rekreasi menjelang 2020.

“Antara cabaran itu ialah bagaimana hendak membersihkan sungai sepanjang 110 kilometer (km) yang sudah begitu lama tercemar merangkumi Sungai

dan bukan secara tergesa-gesa seperti sebelum ini yang dilakukan oleh pelbagai agensi sama ada di peringkat PBT atau agensi kerajaan tanpa penyelarasan.

“Seperti yang diketahui, semua sungai yang mengalir di Lembah Klang menjadi tempat pembuangan sampah, tandas dan sisa bahan buangan tidak dirawat oleh masyarakat yang mendiami sepanjang sungai berkenaan, sekaligus menjadi punca pencemaran berterusan sejak negara mencapai kemerdekaan.

“Justeru, ia memerlukan perancangan dan penyelarasan rapi daripada semua agensi terbabit untuk membersihkannya,” katanya.

Jelas beliau, bagi meningkatkan kualiti air sungai, dua pendekatan diperkenalkan iaitu menerusi pendekatan fizikal dan kempen kesedaran serta meningkatkan penguatkuasaan. Menerusi pendekatan fizikal, ia merangkumi pem-



*Seperti yang diketahui, semua sungai yang mengalir di Lembah Klang menjadi tempat*



gitu lama tercemar merangkumi Sungai Gombak, Sungai Batu, Sungai Ampang, Sungai Bunus, Sungai Jinjang dan Sungai Kerayong," katanya.

Sebagai rujukan, katanya Projek ROL terkandung dalam Projek Permulaan (EPP) yang dikenal pasti dalam Bidang Keberhasilan Ekonomi Negara (NKEA) Greater Kuala Lumpur di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), dan ia menjadi cabaran besar kepada 26 agensi kerajaan bagi menjayakannya.

Agensi itu merangkumi empat kementerian dan pelbagai jabatan di bawahnya iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Beliau yang juga Pengerusi NKEA Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang bagi ROL, projek itu turut membabitkan kerajaan Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bersama tiga pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Katanya, ketika ini, JPS diarahkan mengetuai projek pembersihan sungai yang kini dijalankan secara bersepadu

*pembuangan sampah, tandas dan sisa bahan buangan tidak dirawat oleh masyarakat yang mendiami sepanjang sungai berkenaan, sekaligus menjadi punca pencemaran berterusan sejak negara mencapai kemerdekaan*

**Lim Chow Hock**

*Pengarah Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai dan Zon Pantai Jabatan Pengairan dan Saliran*

binaan 14 loji rawatan air mentah, menaik taraf loji rawatan kumbahan dan perangkap sampah.

"Pendekatan kempen kesedaran pula mengadakan program kemasyarakatan, program kesedaran pelajar sekolah dan melaksanakan program khidmat sosial korporat (CSR)," katanya.

Beliau menjelaskan, berdasarkan kajian JPS, punca utama pencemaran di Sungai Klang disebabkan sisa pembentungan dan loji rawatan pembentungan yang merangkumi 80 peratus, sisa industri dan bengkel (lima peratus), industri penghasilan makanan, restoran

dan pasar basah (4.2 peratus), perumahan dan perniagaan (sembilan peratus) dan setinggalan serta punca lain (1.8 peratus).

Kata beliau, pada tahun ini juga, pihaknya menyasarkan untuk mengurangkan jumlah sisa pepejal daripada 25,000 tan kepada 1,200 tan di kawasan ROL.

Lim menegaskan kerja pembersihan sungai sudah 20 peratus dilaksanakan dan berjalan lancar seperti dirancang. Bagi tahun ini, pasukan khas membersihkan sungai menyasarkan untuk memasang 300 perangkap pencemar kasar (GPT) bagi mengurangkan jumlah sisa pepejal mengalir ke dalam sungai.

"Kita komited dan yakin projek ini akan dapat dijayakan bagi menjadikan Kuala Lumpur antara 20 bandar yang berdaya huni di dunia dan memberi pulangan ekonomi tinggi," katanya.


## FAKTA NOMBOR

**14**  
**loji**

rawatan air mentah akan dibina

# Gombak sebagai nadi kehidupan

B14 4/6/12 M8/9



TAHAP air Sungai Klang yang keruh dan tercemar.



**SUNGAI Klang di Taman Seri Muda yang dipenuhi sampah sarap bercampur minyak.**